

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN WISMA AHLI UDARA PU SUBANG TAHUN 2019

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4644-mesyuarat-agung-tahunan-wisma-ahli-udara-pu-subang-tahun-2019

SUBANG, 8 Mac 19 - Mesyuarat Agung Tahunan Wisma Ahli Udara bagi tahun 2019 telah diadakan di Dewan Ababil, PU Subang yang dihadiri semua ahli Wisma Udara. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Komander Pangkalan Udara Subang, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM.

Dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ini turut mencipta sejarah apabila logo rasmi Wisma Ahli Udara PU Subang telah dilancarkan buat pertama kalinya. Selain itu, terdapat juga majlis penyerahan Anugerah Kesatria Udara Cemerlang yang diberikan kepada ahli-ahli Wisma Ahli Udara yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang. Turut diadakan dalam sesi mesyuarat kali ini pelantikan AJK baharu untuk tahun 2019.



